

BAB 1

اللغة والعلوم

BAHASA DAN ALAM

1.1 DEFINISI BAHASA

Secara literal perkataan “Bahasa” bermaksud : *Bunyi-bunyi suara yang diguna oleh setiap kaum untuk menyampaikan maksud-maksud mereka.* (Al-Mu’jam Al-Wasit, 1972, Jld.2, Ms.831)

Dari sudut peristilahan pula Harimurti Kirdalaksana (1983:17) mentakrif “Bahasa” sebagai :

“sistem lambang yang aribtrrer yang dipergunakan oleh sesuatu masyarakat untuk bekerja sama, berinteraksi dan mengindentifikasikan diri.

Dr. Anis Farihah (1973:12) juga pernah mengatakan “Bahasa” ialah :

suatu fenomena psikologi kemasyarakatan, dan kebudayaan, boleh diperolehi (dipelajari), tidak mempunyai sifat biologi, perlu untuk setiap individu, terbentuk daripada sekelompok lambang-lambang bunyi bahasa, yang menghasilkan makna-makna yang tercerap ke dalam minda melalui proses pengujian (interaksi). Dengan sistem lambang bunyi ini sesebuah masyarakat bahasa dapat berinteraksi dan saling memahami.

Dengan itu kita boleh mengatakan “Bahasa” ialah : wasilah komunikasi melalui “sistem lambang” bunyi atau tulisan untuk tujuan tertentu.

1.2 TUTURAN DAN RUJUKAN


Apabila kita mengatakan “Bahasa” terdiri daripada “sistem lambang” bermakna ia terbentuk daripada “tuturan” dengan “rujukan”. Buktinya, suatu “rujukan” tertentu mempunyai “tuturan” yang berbeza mengikut bahasa yang dipakai. Lihat contoh berikut :-

<i>Rujukan</i>	<i>Tuturan</i>	<i>Bahasa</i>
	“ ikan ”	Melayu
	“ samak ”	Arab
	“ fish ”	Inggeris

Ini menunjukkan bahawa “tuturan” yang disebut itu adalah “lambang” kepada “rujukan” yang dimaksudkan, iaitu sama ada berbentuk *benda*, *perbuatan*, *peristiwa* ataupun *sifat*. Lambang pula boleh hadir sama ada dalam bentuk “lafaz” atau “tulisan”.

1.3 KITARAN BAHASA

Kitaran Bahasa bermaksud suatu hubungan pusingan antara Bahasa, Manusia dan Alam. Unit-unit kitaran tersebut ialah *alam*, *manusia* dan *lambang (bahasa)*. Kitaran tersebut berlaku hasil daripada interaksi manusia dengan alam. Ketika berinteraksi manusia membuat “**persepsi**” terhadap apa yang mereka saksikan di sekeliling mereka dan menggolongkannya di bawah “**konsep**” yang dapat difahami. Seterusnya pernyataan atau luahan terhadap apa kita golongkan itu memerlukan kepada “**lambang**” (bahasa).



Gambarajah 1 : Kitaran Bahasa

Interaksi bermaksud hubungan atau komunikasi manusia dengan alam dalam kehidupan mereka untuk tujuan tertentu.

Persepsi ialah tanggapan atau kesedaran kita tentang alam melalui pancaindera. Kefahaman kita pada tahap ini masih belum disebut “bahasa”. Melalui persepsi kita membuat penggolongan atau konseptualisasi terhadap apa yang kita dapati di alam ini.

Persepsi adalah suatu proses yang boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor *bahasa, kebudayaan, agama, politik* dan sebagainya. Dari sini lahirlah apa yang disebut “*bahasa jiwa bangsa*”. Bahasa jugalah yang membentuk pemahaman manusia tentang alam nyata. Bahasa adalah petunjuk kepada kebudayaan penutur yang meliputi cara hidup, sekitaran fizikal dan sosial mereka.

Konseptualisasi ialah proses penggolongan maklumat yang diperolehi di bawah suatu tasawwur yang memudahkan sesuatu pemahaman. Ia lahir daripada gerak balas kita terhadap benda-benda yang kita tanggapi yang mempunyai ciri-ciri tertentu.

Kemampuan manusia dalam melakukan persepsi terhadap alam nyata dan meluahkan apa yang sudah tercerap tadi ke dalam bentuk konsep-konsep tertentu merupakan suatu pandangan atau penglihatan manusia terhadap alam nyata.

Konsep sangat mustahak untuk berfikir kerana ia dapat mengkatalog benda-benda yang kita persepsi secara pantas. Ia boleh dipakai sama ada dalam bentuk kegunaan ekstensi atau kegunaan intensi.

Kegunaan ekstensi ialah pemakaian konsep yang merujuk kepada makna zahir atau makna luaran sesuatu “rujukan” yang dimaksudkan. Contohnya pemakaian lafaz atau tuturan “**lembu**” dengan maksud binatang yang berkaki empat. Makna yang difahami dalam bentuk ini disebut juga sebagai “Makna Denotasi”

Kegunaan intensi ialah pemakaian konsep yang merujuk kepada makna simbolik atau makna tersirat daripada sesuatu rujukan yang dimaksudkan. Contohnya pemakaian lafaz atau tuturan “**lembu**” dengan maksud *kebodohan* atau *dungu*. Makna yang difahami dalam bentuk ini disebut juga sebagai “Makna Konotasi”.

Seterusnya proses pemberian “nama” atau “lambang” kepada benda-benda merupakan suatu “perkembangan kognitif” yang menggambarkan perkembangan proses perolehan sesuatu bahasa. Ia adalah suatu proses pengenalan benda-benda melalui bahasa.

Dengan penjelasan tersebut jelaslah bahawa apa yang berlaku dalam bahasa manusia ialah suatu porses yang sentiasa berkembang melalui Interaksi manusia dengan alam. Ia akan membawa kepada penggolongan konsep yang kemudiannya menuju kepada pembezaan-pembezaan yang halus melalui “lambang” tertentu.



Rujukan:-

Asmah Haji Omar, *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

Anis Farihah, *Nazariyyaat fi al-Lughah*, Dar al-Kitab Al-Lubnani, Beirut, 1973.

Emeil Badei' Yaakub Dr., *Fiqh al-Lughah al-Arabiyyah wa Khashoisuha*, Dar al-`Ilmi li al-Malayiin, Beriut, 1986.

Harimurti Kirdalaksana, *Kamus Linguistik*, PT Gramedia, Jakarta, 1983.

Jack Richards, John Platt, Heidi Weber, *Longman Dictionary of Applied Linguistics*, Longman Group Limited, England, 1985.

Ramadhan Abduttawaab Dr., *Fusul fi Fiqh al-'Arabiyyah*, Maktabah Al-Khanji, Kaherah, 1983.

_____, *The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*, Oxford University Press, New York, 1988.